

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	19 October 2015

## Jangan hina, aib pemimpin negara – Najib UM-19/10/2015

**SHAH ALAM 18 Okt.** - Datuk-Seri Najib Tun Razak mengingatkan segenap pihak supaya tidak menghinakan atau mengaibkan pemimpin negara sinamata-mata tidak berpuas hati dengan dasar atau polisi kerajaan kerana tindakan sedemikian boleh mencetuskan tindak balas negatif.

Perdana Menteri berkata, sekiranya mahu membantah, mereka boleh menggunakan platform pihakan raya umum pada setiap lima tahun untuk memilih mana-mana pemimpin yang dihirkan lebih

layak menerajui kerajaan.

"Kita berharap juga pihak satu lagi, jangan pula terlalu biadab. Ingat kepada undang-undang fizik, sama juga dengan undang-undang politik. Setiap tindakan ada reaksi.

"Jika tidak percaya (kepada kerajaan), setiap lima tahun kita boleh buat keputusan yang mana kita kembali kepada rakyat (untuk menentukan) apabila tiba masa.

"Jangan hina dan memalukan pemimpin Malaysia. Kita mesti amalkan demokrasi matang, mesti per-

caya yang nilai-nilai baik ada kaitan dengan demokrasi matang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan ke-44 di sini hari ini.

Menyebut Perdana Menteri, sebagai contoh apabila keputusannya menolak Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), beliau dikritik hebat sehinggakan Malaysia dilabel sebagai negara polis.

"Tetapi kalau disemak kepada rekod (pentadbiran) saya, berapa ramai yang ditahan di bawah ISA

dan berapa pula jumlah semasa pemimpin terdahulu?

"Ini bukan negara polis tetapi inilah undang-undang Malaysia," tegasnya.

Najib memberitahu, apa yang penting untuk semua pihak adalah bersatu padu sebagai rakyat Malaysia dalam apa juga keadaan.

"Jangan dihirkan sangat terhadap satu, dua individu tertentu kerana masa depan negara adalah berdasarkan sosial kontrak, Perlembagaan Persekutuan.

"Kita akan terus berpegang kepada kepercayaan yang kepelbagaian etnik, agama dan masyarakat mengikut asas-asas kesederhanaan, wasatiyyah dan progresif. Inilah polisi Barisan Nasional (BN)," tegasnya.

Mengenai Gerakan pula, beliau mahu setiap ahli parti tersebut memainkan peranan aktif dalam media sosial bagi menerangkan kepada umum dasar serta polisi BN sekali gus dapat menangkis segala tohmahan oleh pembangkang atau pihak tidak bertanggungjawab.